

Cukai Pendapatan : Apa Perlu Anda Tahu?

Cukai merupakan sumber pendapatan kerajaan. Jadi, kita perlu membayar cukai kerana ini merupakan salah satu cara untuk kita semua membantu kerajaan mentadbir dan mengurus negara. Dengan duit cukai itulah kerajaan akan menggunakannya untuk menampung perbelanjaan pembangunan negara termasuk bagi tujuan keselamatan, kemudahan fasiliti awam, perkhidmatan kesihatan, pendidikan, kebajikan rakyat dan banyak lagi manfaat cukai untuk dinikmati bersama.

Manfaat cukai untuk semua

Dengan cukai pendapatan yang dibayar oleh pembayar cukai di Malaysia ini, kerajaan akan menggunakannya untuk membiayai pembinaan dan penyelenggaraan infrastruktur awam seperti jalan raya, jambatan, lapangan terbang, stesen kereta api dan banyak lagi. Ini membolehkan orang ramai mengakses perkhidmatan asas dan menikmati kemudahan pengangkutan yang baik.



Menerusi cukai yang dibayar, Kerajaan dapat memberi fasiliti awam termasuklah bekalan elektrik.

Sebahagian daripada hasil cukai juga digunakan untuk membiayai sistem pendidikan awam. Ia termasuklah peruntukan untuk sekolah, universiti dan program pendidikan bagi memastikan penduduk negara ini mendapat akses kepada pendidikan berkualiti.

Cukai pendapatan juga digunakan untuk membiayai sistem penjagaan kesihatan awam termasuk hospital, klinik dan program kesihatan masyarakat. Ini membantu menyokong

kesihatan awam dan memastikan penduduk negara menerima rawatan perubatan yang diperlukan.

Hasil cukai turut digunakan untuk mengekalkan keselamatan dan pertahanan negara. Ini termasuklah perbelanjaan untuk tentera, polis dan agensi keselamatan lain.

Kerajaan juga menggunakan cukai untuk menyediakan sokongan sosial kepada kumpulan yang memerlukan seperti warga tua, kanak-kanak, orang kurang upaya dan kumpulan berpendapatan rendah. Contohnya Sumbangan Tunai Rahmah (STR) yang mana peruntukan bantuan STR 2024 meningkat kepada 10 billion Ringgit Malaysia berbanding 8 billion Ringgit Malaysia pada tahun 2023. Kategori baharu isi rumah miskin dan miskin tegar di bawah data eKasih pula akan menerima sumbangan maksimum RM3,700 setahun bermula Januari 2024 berbanding RM3,100 pada tahun 2023.

Cukai pendapatan juga digunakan untuk membayar gaji dan perbelanjaan lain untuk kakitangan awam yang menyediakan pelbagai perkhidmatan penting seperti pemprosesan permit, pengawasan kawal selia dan banyak lagi. Tanpa kita sedari, cukai yang dibayar setiap tahun ini sebenarnya telah menyumbang kepada pembiayaan perkhidmatan dan membolehkan kerajaan menjalankan fungsi pentingnya.

Gaji minimum untuk layak bayar cukai

Cukai pendapatan bukan sahaja dikenakan ke atas individu yang menerima pendapatan penggajian, malah turut dikenakan ke atas perniagaan atau profesion yang menerima kemasukan wang ke dalam akaun bank individu termasuklah *Youtubers*, *Instafamous*, *Tiktokers*, pempengaruh atau mereka yang membuat ulasan berbayar dan lain-lain.

Bagi individu yang menerima gaji, mereka perlu melaporkan pendapatan bagi tujuan pengenaan cukai apabila jumlah pendapatan minimum mereka untuk tempoh setahun ialah RM37,333 (selepas potongan KWSP). Anggaran gaji sebulan dalam lingkungan RM3,111. Kebiasaannya, pihak majikan akan terus membuat Potongan Cukai Bulanan (PCB) ke atas gaji pekerja yang telah layak untuk membayar cukai.

Walau bagaimanapun, apabila bercakap tentang PCB, ramai yang tersalah anggap. Mereka beranggapan, cukai telah dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) menerusi PCB. Jadi, tidak perlu melaporkan pendapatan mereka menerusi e-Filing setiap kali musim penghantaran Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) bermula pada 1 Mac hingga 30 April setiap tahun bagi individu yang menerima pendapatan penggajian.

Berbeza pula dengan mereka yang menerima pendapatan perniagaan atau profesion termasuk pempengaruh kerana secara automatiknya, mereka perlu mendaftar fail cukai pendapatan sebaik sahaja perniagaan didaftarkan atau kerjaya dimulakan. Senarai pendapatan yang dikenakan cukai bagi individu boleh dirujuk di Portal Rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di www.hasil.gov.my dengan menaip kata kunci carian BILA DIKENAKAN CUKAI.

PCB bukan cukai muktamad yang perlu dibayar

PCB anda tinggi? Pasti anda tidak suka apabila gaji dipotong setiap bulan untuk tujuan cukai pendapatan. Bermulalah drama di media sosial yang mengatakan HASiL tidak adil kerana mengenakan cukai yang tinggi. Adakah anda tahu bahawa PCB bukanlah cukai muktamad yang perlu anda bayar. PCB merupakan bayaran pendahuluan yang dipotong oleh majikan daripada saraan bulanan pekerja termasuk gaji, elaun kena cukai, bonus dan lain-lain mengikut Jadual Potongan Cukai Bulanan yang dikeluarkan oleh HASiL.

PCB sebenarnya memberi manfaat kepada individu yang bekerja makan gaji. PCB mampu membantu mengurangkan beban kewangan setiap bulan dengan menyelaraskan pembayaran cukai sesuai dengan pendapatan bulanan pekerja. Pekerja tidak perlu membayar cukai besar secara sekali gus pada setiap kali musim penghantaran BNCP. Menerusi PCB, ia membolehkan pembayaran cukai dilakukan secara berperingkat demi menjaga kestabilan kewangan pekerja. Pekerja juga boleh merancang perbelanjaan bulanan mereka dengan lebih efisien kerana mereka tahu berapa banyak gaji bersih yang akan mereka terima setiap bulan.

Dengan mengetahui jumlah gaji bersih yang diterima setiap bulan, pekerja lebih mudah untuk merancang simpanan atau pelaburan mereka bagi masa depan. PCB turut membantu mengelakkan hutang cukai kerana sebahagian besar cukai telah dipotong daripada gaji pekerja setiap bulan.

Bukan itu sahaja, PCB memudahkan pekerja untuk mematuhi undang-undang cukai kerana ia merupakan cara yang mudah dan teratur untuk membayar cukai. Dengan adanya PCB setiap bulan dalam slip gaji anda, sudah pasti anda tidak akan lupa tanggungjawab untuk membayar cukai. Ia akan membantu meningkatkan kesedaran pekerja tentang pentingnya membayar cukai.

Elemen yang mempengaruhi pendapatan bercukai

Sebagai pembayar cukai yang bijak, anda perlu tahu apakah elemen-elemen yang boleh mempengaruhi pendapatan bercukai seseorang. Semakin tinggi pendapatan bercukai, semakin tinggi cukai akan dikenakan. Ini seterusnya akan memberi kesan ke atas bayaran balik atau baki cukai kena dibayar. Jadi, pastikan anda memilih jenis taksiran yang betul, mengoptimumkan tuntutan pelepasan, mengoptimumkan potongan derma dan mengoptimumkan rebat cukai.

Pemilihan jenis taksiran yang betul boleh mempengaruhi cukai yang dikenakan ke atas anda kerana ia dapat menentukan jumlah pelepasan diri. Apabila anda mengisi e-Filing yang merupakan salah satu perkhidmatan percukaian secara dalam talian di <https://mytax.hasil.gov.my/> untuk melaporkan pendapatan, anda pasti dapat melihat beberapa jenis taksiran untuk dipilih sebelum mengisi maklumat pendapatan iaitu:

- taksiran bersama
- taksiran berasingan
- pasangan tiada punca pendapatan atau dikecualikan cukai
- bujang

Bagi mengurangkan jumlah cukai kena dibayar, individu yang sudah berkahwin dan pasangannya bekerja adalah disyorkan untuk memilih jenis taksiran berasingan kerana setiap individu akan mendapat pelepasan diri sebanyak RM9,000 berbanding RM4,000 bagi mereka yang memilih jenis taksiran bersama.

Walau bagaimanapun, ada syaratnya untuk memilih taksiran bersama. Pasangan suami dan isteri mestilah warganegara Malaysia jika tidak bermastautin dan perlu tinggal bersama sepanjang tahun asas cukai ditaksir. Mereka juga perlu mempunyai jumlah pendapatan untuk diagregatkan dengan jumlah pendapatan suami atau isteri. Pengagregatan jumlah pendapatan hanya boleh dibuat dengan seorang isteri sahaja.

Kurangkan cukai anda dengan pelepasan cukai

Jangan risau PCB anda tinggi. Anda boleh mengurangkan cukai yang perlu dibayar dengan menggunakan pelepasan-pelepasan cukai yang layak dituntut oleh individu. Jadi, ambil peluang terbaik ini untuk menuntut pelepasan cukai yang layak kerana ia memberi keuntungan kepada anda. Walau bagaimanapun, setiap pelepasan cukai yang boleh dituntut adalah berbeza bagi setiap individu kerana ia bergantung kepada jenis taksiran yang dipilih pembayar cukai sama ada bujang, berkahwin dan mempunyai anak atau pun individu tersebut berkahwin tetapi belum dikurniakan anak.

Penting untuk anda membuat kiraan cukai pendapatan tahunan dan mengenal pasti pelepasan serta rebat cukai yang layak dituntut kerana ini boleh membantu anda untuk membayar cukai yang lebih rendah daripada yang sepatutnya. Rancanglah perbelanjaan Tahun 2023 anda dengan bijak untuk mengoptimumkan pelepasan dan rebat cukai yang layak dituntut. Perancangan ini memberi peluang kepada anda untuk mendapat bayaran balik cukai pendapatan yang terlebih bayar sekiranya anda telah membuat PCB setiap bulan sepanjang tahun taksiran tersebut.

PELEPASAN INDIVIDU



INDIVIDU DAN SAUDARA TANGGUNGAN
RM9,000



SUAMI/ISTERI/ALIMONI KEPADA BEKAS ISTERI
RM4,000



POTONGAN TAMBAHAN BAGI INDIVIDU KURANG UPAYA
RM6,000

POTONGAN TAMBAHAN BAGI SUAMI ATAU ISTERI KURANG UPAYA
RM5,000



YURAN PENGAJIAN DIRI SENDIRI
RM7,000

- PERINGKAT SELAIN SARJANA ATAU DOKTOR FALSAPAH
- PERINGKAT SARJANA ATAU DOKTOR FALSAPAH
- KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN ATAU KEMAJUAN DIRI (TERHAD RM2,000)

CARUMAN & SUMBANGAN



PERKESO/ SKIM INSURAN PEKERJAAN
RM350



SKIM PERSARAAN DAN ANUITI TERTANGGUH
RM3,000



SSPN (TABUNGAN BERSIH)
RM8,000



INSURAN NYAWA DAN KWSP
i) INDIVIDU PENJAWAT & SELAIN PENJAWAT AWAM (BERPENCEN) DAN BEKERJA SENDIRI
RM7,000

- SKIM YANG DILULUSKAN ATAU CARUMAN SUKARELA KEPADA KWSP (TERHAD RM4,000)

- PREMIUM INSURAN HAYAT, SUMBANGAN TAKAFUL KELUARGA ATAU CARUMAN SUKARELA TAMBAHAN KWSP (TERHAD RM3,000)



INSURAN PENDIDIKAN DAN PERUBATAN (INDIVIDU/PASANGAN/ANAK)
RM3,000

GAYA HIDUP & PERUBATAN



PEMASANGAN/SEWAAN/PEMBELIAN KEMUDAHAN PENGECASAN KENDERAAN ELEKTRIK BAGI KEGUNAAN SENDIRI
RM2,500

PEMBELIAN PERALATAN PENYUSUAN
RM1,000

- PEMBAYAR CUKAI WANITA SAHAJA
- ANAK BERUMUR KURANG 2 TAHUN
- TUNTUTAN DIBUAT SEKALI SETIAP 2 TAHUN

PERALATAN ALAT SOKONGAN ASAS (INDIVIDU/SUAMI/ISTERI/ ANAK/IBUBAPA OKU)
RM6,000



GAYA HIDUP
RM2,500

- PEMBELIAN & LANGGANAN BAHAN BACAAN
- PEMBELIAN KOMPUTER PERIBADI, TELEFON PINTAR/TABLET
- BAYARAN BIL BULANAN LANGGANAN INTERNET
- PEMBELIAN PERALATAN SUKAN & BAYARAN KEAHLIAN GYMNASIUM



TAMBAHAN GAYA HIDUP
RM500

BERKAITAN AKTIVITI SUKAN

- PEMBELIAN PERALATAN SUKAN
- SEWAAN/PI DI MANA-MANA FASILITI SUKAN
- FI PENDAFTARAN PENYERTAAN PERTANDINGAN



RAWATAN PERUBATAN KEPERLUAN KHAS DAN PENJAJAAN IBU BAPA
RM8,000



PERBELANJAAN PERUBATAN
RM10,000

i) PENYAKIT SERIUS (INDIVIDU/SUAMI/ISTERI/ANAK)

ii) PERBELANJAAN RAWATAN KESUBURAN (DIRI SENDIRI ATAU PASANGAN)

iii) PERBELANJAAN (TERHAD RM1,000) BAGI:

- PEMERIKSAAN PERUBATAN PENUH, UJIAN PENGESANAN COVID-19 DAN PEMERIKSAAN KESIHATAN MENTAL DAN KONSULTASI

iv) PERBELANJAAN PERUBATAN BAGI PEMVAKSINAN

v) RAWATAN INTERVENSI AWAL/PEMULIHAN ANAK KURANG UPAYA PEMBELAJARAN (TERHAD RM4,000)

PELEPASAN ANAK



ANAK BERUMUR DI BAWAH 18 TAHUN
RM2,000

- BELUM BERKAHWIN

ANAK BERUMUR DI ATAS 18 TAHUN
RM2,000

- BELUM BERKAHWIN

- BELAJAR SEPENUH MASA



ANAK BERUMUR DI ATAS 18 TAHUN
RM8,000

- BELUM BERKAHWIN

- BELAJAR DI IPT (DIPLOMA DAN KE ATAS)



YURAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK/ TADIKA BERDAFTAR
RM3,000

- BERUMUR 6 TAHUN DAN KE BAWAH
- DIBENARKAN TUNTUTAN SAMA ADA SUAMI ATAU ISTERI



ANAK KURANG UPAYA
RM6,000

TAMBAHAN BAGI ANAK KURANG UPAYA
RM8,000

- BELUM BERKAHWIN

- BELAJAR DI IPT (DIPLOMA DAN KE ATAS)



Maklumat lanjut, sila layari www.hasil.gov.my

Kemaskini Sehingga: 6 November 2023

www.hasil.gov.my 03-8911 1000 facebook.com/HASiLMalaysia [@HASiLMalaysia](https://twitter.com/HASiLMalaysia) [hasil_malaysia](https://www.instagram.com/hasil_malaysia) [@HASiLMalaysia](https://www.youtube.com/channel/UC8H5L5L5L5L5L5L5L5L5L5L) [@HASiLMalaysia](https://www.linkedin.com/company/HASiLMalaysia) [@hasil_malaysia](https://www.tiktok.com/@hasil_malaysia)

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

Pendapatan bercukai boleh dikurangkan sekiranya anda menggunakan sepenuhnya pelepasan-pelepasan cukai yang layak dituntut.

Tuntut pelepasan cukai dengan betul, elak kesilapan

Ramai yang boleh membuat silap apabila mereka ingin menuntut pelepasan cukai. Puncanya adalah disebabkan oleh kurangnya pemahaman tentang cukai pendapatan. Mulai sekarang, pastikan anda membuat tuntutan pelepasan cukai dengan betul.

Pastikan dokumen dilengkapkan dengan betul. Pastikan anda mengisi borang cukai pendapatan dengan maklumat yang tepat dan dilengkapi dengan dokumen sokongan yang diperlukan.

Anda juga perlu memahami terma dan syarat. Setiap jenis pelepasan cukai pendapatan mempunyai terma dan syarat yang berbeza. Pastikan anda tahu had perbelanjaan yang dibenarkan, kelayakan untuk menuntut pelepasan cukai dan sebagainya.

Untuk menuntut pelepasan cukai, anda wajib menyimpan rekod perbelanjaan atau apa sahaja dokumen berkaitan percukaian yang boleh dituntut sebagai pelepasan cukai dengan baik. Simpan semua dokumen perbelanjaan yang berkaitan dengan pelepasan cukai yang dituntut untuk tempoh 7 tahun. Ini termasuk bukti pembayaran, invois dan rekod lain yang boleh menyokong tuntutan anda. Pastikan juga bukti perbelanjaan yang telah dibuat itu adalah atas nama sendiri.

Anda juga perlu memastikan bahawa pendapatan dilaporkan menerusi e-Filing mengikut tempoh yang telah ditetapkan iaitu selewat-lewatnya pada 30 April bagi yang makan gaji dan 30 Jun bagi yang mempunyai pendapatan selain makan gaji. Jika lambat anda hantar e-Filing, lambat jugalah tuntutan pelepasan cukai anda akan diproses.

Sebagai pembayar cukai, anda perlu mengambil kelebihan pelepasan cukai yang diberikan. Kebiasaannya, ramai yang tidak sedar bahawa terdapat pelepasan yang boleh mereka tuntutan. Senarai pelepasan cukai akan dikemaskini setiap tahun yang mana ianya akan diumumkan dalam sesi pembentangan belanjawan negara.

Adalah penting untuk memastikan rekod cukai anda teratur dan serta mematuhi undang-undang cukai. Dengan cara ini, anda boleh memastikan bahawa anda dapat memanfaatkan semua potongan cukai yang sesuai dan mengelakkan sebarang masalah dengan pihak HASiL.

Ingin memudahkan anda untuk melaporkan pendapatan dan menuntut pelepasan serta rebat cukai yang layak semasa mengisi e-Filing bagi Tahun Taksiran 2023? Jom kenal pasti apa yang boleh anda tuntutan. Bagi tahun ini, kerajaan telah menawarkan banyak pelepasan cukai kepada rakyat Malaysia. Semakan senarai penuh pelepasan cukai Tahun 2023 bagi individu pemastautin boleh dirujuk di Portal Rasmi HASiL > www.hasil.gov.my > EduZone > Slaid/Poster Percukaian > Tahun 2023 > Pelepasan Cukai Tahun Taksiran 2023.

Inisiatif HASiL memberi kesedaran cukai kepada orang awam

Bagi pembayar cukai baharu, sudah tentu anda tidak tahu bagaimana untuk memulakan langkah melaporkan pendapatan. Di sinilah perlunya tugas HASiL dalam memberi kesedaran dan pendidikan cukai kepada orang awam. HASiL telah melaksana beberapa inisiatif bagi tujuan tersebut termasuklah dengan memperbanyakkan kempen kesedaran cukai. Ini bertujuan untuk menyampaikan maklumat tentang cukai kepada orang awam. Kempen ini termasuklah pengiklanan di media massa, penerbitan bahan maklumat di Portal Rasmi HASiL serta di media sosial rasmi HASiL dan lain-lain.

HASiL turut menganjurkan program percukaian dan bahan pendidikan cukai kepada orang awam. Ini termasuklah program secara dalam talian, Webinar, Seminar Percukaian Kebangsaan dan sesi taklimat yang bertujuan untuk membantu individu memahami sistem cukai negara.

Bukan itu sahaja, HASiL mempunyai portal MyTax 2.0 yang membolehkan individu memeriksa status cukai mereka secara dalam talian. Portal ini menyediakan maklumat tentang bayaran cukai, status bayaran balik, lapor pendapatan, tatacara pengiraan cukai dan lain-lain. HASiL turut menyediakan portal yang mempunyai pelbagai maklumat percukaian yang boleh dijadikan rujukan termasuklah slaid pendidikan cukai menerusi EduZONE.

Bagi memudahkan orang awam untuk berhubung dengan HASiL bagi tujuan pertanyaan tentang cukai, HASiL mempunyai platform komunikasi interaktif. Orang ramai boleh menghubungi HASiL Care Line di 03-8911 1000 atau menggunakan HASiL Chat di mytax.hasil.gov.my.

HASiL bukan sekadar mengutip cukai tetapi juga turut melaksanakan khidmat amal kepada masyarakat menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR). Program CSR dilaksanakan untuk memastikan organisasi ini tidak hanya menumpukan kepada kutipan cukai semata-mata, tetapi juga memberi perhatian kepada kesan sosial, alam sekitar dan lain-lain. Ini melibatkan usaha untuk menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat, alam sekitar dan kemampanan dalam pelbagai cara seperti membuat program khidmat masyarakat dan memberi perhatian kepada keperluan sosial di sekeliling. Ini bertujuan untuk mewujudkan impak positif yang lebih luas di luar persekitaran HASiL, mengukuhkan reputasi dan membina hubungan baik dengan pihak berkepentingan. Program CSR HASiL adalah diharapkan dapat memberi kesedaran kepada orang awam tentang kepentingan membayar cukai dan bagaimana ia digunakan untuk pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

Bagi memastikan pembayar cukai melaksanakan tanggungjawab mereka, HASiL menawarkan program khidmat nasihat percukaian secara berkumpulan mewakili syarikat, persatuan dan lain-lain. Permohonan untuk HASiL mengadakan taklimat di tempat anda secara bersemuka atau webinar boleh dibuat dengan menghantarkan permohonan menerusi emel kepada taxeducation@HASIL.GOV.MY.

Kepentingan untuk melaporkan pendapatan dan membayar cukai

Sebagai pembayar cukai yang bertanggungjawab, anda sebenarnya telah membantu diri anda sendiri untuk mengesahkan pendapatan bagi tujuan urusan rasmi, selain mudah untuk mendapatkan bantuan khas kerajaan. Bukan itu sahaja, ia juga memudahkan kelulusan permohonan pembiayaan kewangan termasuk bagi tujuan pembelian rumah atau kenderaan. Menerusi cukai yang anda bayar itu juga, anda turut membantu kerajaan mentadbir dan mengurus negara serta membantu menampung perbelanjaan pembangunan negara termasuk bagi tujuan keselamatan, kemudahan fasiliti awam, perkhidmatan kesihatan, pendidikan, kebajikan rakyat dan banyak lagi manfaat cukai untuk dinikmati bersama.

Anda perlu sedar bahawa cukai sangat penting bagi memastikan semua agenda pemulihan dan pembangunan negara dapat direalisasikan. Tanpa cukai yang dibayar oleh rakyat yang layak dikenakan cukai, HASiL tidak mampu untuk mengimbangi keperluan perbelanjaan bulanan negara.

Cukai merupakan kaedah perkongsian rezeki daripada golongan yang berada dan layak dikenakan cukai kepada golongan yang kurang berkemampuan. Melalui kutipan cukai, kerajaan berupaya melaksanakan pelbagai projek pembangunan yang akhirnya limpahan ekonomi ini akan turut dinikmati oleh rakyat dalam bentuk pekerjaan dan pertumbuhan perniagaan.

Ringkasnya, cukai ialah konsep daripada rakyat kepada rakyat dan untuk rakyat. Justeru itu, rakyat hendaklah memainkan peranan agar setiap daripada kita menyumbang kepada kemakmuran negara dan kesejahteraan hidup rakyat seluruhnya.

Laksanakan tanggungjawab anda sekarang!

Mulakan tahun baharu anda dengan azam untuk memperbaiki rekod pematuhan cukai. Tahukah anda bahawa HASiL kini menawarkan program untuk anda melunaskan cukai tanpa penalti? Jom rebut tawaran ini menerusi Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) 2.0. Anda layak menyertai PKPS 2.0 ini sekiranya anda belum pernah laporkan pendapatan,

belum kemukakan borang nyata cukai, terkurang lapor pendapatan, tidak lapor pelupusan aset atau gagal membuat penyeteman surat cara dalam tempoh yang ditetapkan. Pengakuan sukarela boleh dibuat mulai sekarang sehingga 31 Mei 2024 menerusi Portal MyTax di mytax.hasil.gov.my atau melalui pautan PKPS 2.0 di www.hasil.gov.my.

Laporkan pendapatan anda dengan jujur dan dapatkan tip bagaimana untuk melaporkannya dengan betul agar ia dapat memberi kelebihan kepada anda sebagai pembayar cukai. Terima kasih pembayar cukai kerana sumbangan anda telah menjamin kesejahteraan rakyat dan kemakmuran Malaysia.

ARTIKEL DISEDIAKAN OLEH:

**Nurul Nadia binti Ahmad Shukri
Seksyen Penerbitan dan Publisiti
Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia
Jabatan Khidmat Korporat**